

Analysis of Global Market Barriers and the Development of a Strategic Marketing Inventory Model for Sabah Popular Ethnic Songs

Analisis Faktor Halangan Menembusi Pasaran Global dan Pembangunan Model Inventori Pemasaran Strategik Lagu Popular Etnik Sabah

***Richard Bin Antaim¹, Elvin Dainail²**

^{1,2}*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia*

elvindainail@ums.edu.my

***Corresponding author**

Received: 29 July 2026; Accepted: 12 August 2026; Published: 18 August 2026

ABSTRACT

Despite the abundance of ethnic pop music in Sabah, the local music products still struggle to penetrate the global market. This study was conducted to identify the primary barriers hindering the global marketability of Momogun Popular ethnic music, develop a strategic framework model, and evaluate its practicality for local music practitioners. This research adopted a Design and Development Research framework utilizing a mixed method approach. Data were gathered through a survey distributed to 138 music practitioners registered under Music Right Sabah (MRS), semi-structured interviews with three industry experts, and field observations. Quantitative data were analysed using SPSS software, while qualitative data were examined using thematic analysis. The findings conclusively demonstrate that the quality of technical audio production is the most dominant variable restricting local works from breaking into the global market, outweighing linguistic constraints and the lack of formal music education. As a strategic intervention, this study successfully developed a Strategic Marketing Inventory Model, which is built upon six developmental phases and three main pillars, which are global standard product quality, cultural identity branding, and digital ecosystem distribution. The implication of this model offers a practical blueprint to transform Sabah's ethnic music into a competitive creative economy commodity on the global stage.

Keywords: *Ethnic Pop Music, Momogun, Global Marketability, Audio Production Quality, MIME-Mo Model*

ABSTRAK

Di sebalik lambakan karya lagu pop etnik di Sabah, produk muzik tempatan masih bergelut untuk menembusi pasaran global. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor halangan utama yang mengekang kebolehpasaran global lagu popular etnik Sabah, membangunkan satu model panduan strategik, serta menilai praktikaliti model tersebut. Penyelidikan ini menggunakan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan menerusi kaedah campuran. Data dikumpul daripada soal selidik terhadap 138 penggiat seni yang berdaftar di Music Right Sabah (MRS), temu bual separa berstruktur bersama tiga informan pakar industri, serta pemerhatian lapangan. Data Kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS, manakala data kualitatif menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian secara konklusif membuktikan bahawa kualiti produksi teknikal audio merupakan pemboleh ubah paling dominan yang menyekat karya tempatan daripada menembusi pasaran global, mengatasi kekangan linguistik dan pendidikan formal. Sebagai intervensi, kajian ini berjaya membangunkan Model Inventori Pemasaran Strategik yang berasaskan enam fasa pembangunan dan tiga tiang utama, iaitu kualiti produksi audio standard global, penjenamaan identiti budaya, serta edaran ekosistem digital. Implikasi model ini menawarkan pelan tindakan praktikal untuk mentransformasikan muzik etnik Sabah kepada komoditi

ekonomi kreatif yang kompetitif di peringkat global.

Kata Kunci: Muzik Pop Etnik, Momogun, Kebolehpasaran Global, Kualiti Produksi Audio, Model MIME-Mo.



ISSN: 2550-214X © 2026. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1 PENGENALAN

1.1 Evolusi Industri Muzik dalam Arus Globalisasi

Dalam mengharungi sirkulasi globalisasi yang semakin berkembang, sektor seni muzik tidak lagi boleh dilihat sekadar medium bagi mempromosikan identiti budaya atau hiburan semata-mata. Sebaliknya, ia telah beranjak menjadi satu sektor ekonomi kreatif yang kompetitif, yang menghendaki penetapan piawaian kualiti yang tinggi bagi memastikan daya saing produk di pasaran. Globalisasi telah meruntuhkan tembok sempadan fizikal, membolehkan karya muzik dari seantero dunia dinikmati secara langsung dengan hanya satu ketik sahaja. Namun, keterbukaan ini membawa cabaran besar apabila persaingan kini melangkaui domestik, ke pentas global yang menuntut tahap sofistikasi standard produksi antarabangsa.

Namun begitu, di rantau Asia Tenggara khususnya, sebilangan besar karya muzik etnik, sering berdepan dengan cabaran untuk menembusi pasaran global. Isu utamanya bukanlah terletak pada kelemahan nilai estetik atau kreativiti, tetapi rentetan daripada kualiti produk akhir yang sering kali hanya memenuhi piawaian domestik sahaja. Realiti ini dilihat sebagai satu cabaran yang runcing dalam konteks industri muzik di Sabah, terutamanya dalam aspek penghasilan kreatif daripada komuniti etnik Momogun. Ketidakkampuan untuk menyelaraskan kualiti teknikal dengan selera pendengar antarabangsa menyebabkan segelintir besar karya yang mempunyai estetika yang tinggi terperangkap sebagai produk kampung yang gagal memikat minat pendengar di luar lingkungan komuniti asalnya.

1.2 Definisi dan Potensi Muzik Etnik Sabah

Menurut Kamaludin (2025), dalam arus revolusi industri 4.0, kriteria muzik etnik tidak sepatutnya terikat pada aspek linguistik atau penggunaan bahasa ibunda semata-mata. Ia merupakan satu entiti yang lebih rumit, merangkumi aspek melodi tradisional, struktur ritma yang unik, rujukan kepada lokaliti, serta penggunaan dialek atau slanga yang memberikan jiwa kepada sesuatu karya seni. Meskipun lagu-lagu etnik Sabah mempunyai keupayaan komersial yang luas kerana keunikan bunyinya yang eksotik, karya-karya ini sering menemui jalan buntu akibat kekangan standard produksi yang tidak kompetitif.

Sebenarnya sejak awal dekad tahun 2000-an lagi situasi ini telah dikenal pasti. Menurut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (2005), meskipun teknologi rakaman digital di Malaysia disifatkan sebagai mulai menepati standard negara maju sejak era 1980-an, peningkatan kualiti secara holistik masih menuntut penyediaan prasarana yang canggih dan terkini. Malah terdapat keperluan yang kritikal untuk memperkasakan kompetensi teknikal jurutera audio tempatan menerusi latihan intensif bagi menguasai pengoperasian alatan serta teknik rakaman moden. Tanpa penguasaan teknikal yang mapan, teknologi sehebat mana sekalipun tidak akan mampu menghasilkan produk akhir yang kompetitif secara global.

1.3 Perspektif Tokoh dan Estetika Digital

Perspektif ini diperkukuhkan lagi oleh pandangan tokoh seni tanah air, Dato' M. Nasir (2023), yang menyatakan bahawa pengkarya di Sabah lazimnya menghasilkan karya yang hanya menasaskan pasaran tempatan. Kecenderungan untuk kekal berada dalam zon selesa ini mewujudkan cabaran terhadap pertumbuhan industri secara menyeluruh. Tumpuan yang hanya berfokus kepada sentimen lokal tanpa mengimbangi aspek spesifikasi kualiti pasaran global menyebabkan industri muzik etnik sukar untuk berkembang secara profesional.

Pandangan ini selari dengan hujah Bagaskara et al. (2025) yang menyatakan bahawa estetika muzik sememangnya bersifat subjektif dan terikat pada kelompok budaya tertentu. Meskipun demikian, dalam era digitalisasi, aksesibiliti global amat diperlukan bagi memberi impak yang signifikan terhadap evolusi budaya muzik. Penggunaan teknologi moden kini menjadi paksi utama kepada estetika muzik abad ke-21. Budaya industri global telah mencetuskan satu bentuk ketaksuban dalam kalangan masyarakat dunia terhadap kualiti audio yang bersih, dinamik, dan seimbang. Setakat ini, lagu-lagu dari etnik blok Borneo Malaysia diakui mempunyai pasaran yang sangat terhad (Kamaludin, 2025). Hal ini memperkukuhkan lagi hakikat bahawa kemelut utama bukan terletak pada kandungan kreatif, tetapi pada proses produksi teknikal yang belum memenuhi cita rasa pendengar global yang semakin kritis dalam menilai kualiti produksi.

1.4 Konteks Etnolinguistik dan Kepelbagaian Sabah

Negeri Sabah, yang dicirikan oleh kepelbagaian puluhan kumpulan etnik serta ratusan subetnik, secara saintifiknya telah diklasifikasikan kepada tiga salasilah rumpun bahasa utama iaitu Dusunik, Paitanik, dan Murutik (Dayu Sansalu, 2014; Sintian, 2023). Bagi mengelakkan marginalisasi komuniti minoriti seperti rumpun etnik Paitanik yang sering terpinggir daripada representasi akronim KDMR (Kadazan, Dusun, Murut, Rungus), landskap identiti negeri ini kini beralih kepada istilah Momogun (Daily Express, 2026). Penggunaan istilah ini sebagai payung identiti yang lebih inklusif, adil, dan universal telah mencapai konsensus kolektif melalui siri konvensyen sejak tahun 2016 dan Ogos 2024, disamping mendapat sokongan rasmi daripada 75 persatuan etnik tempatan (Bagang et al., 2025; Utusan Borneo, 2025).

Peranan yang sangat vital dalam kelestarian warisan kesenian negeri dimainkan oleh komuniti majoriti anak negeri Sabah ini. Walaupun latar belakang yang berbeza dimiliki oleh komuniti ini, fungsi penyelarasan identiti dalam konteks pembangunan muzik pop etnik dijalankan melalui penggunaan istilah rumpun Momogun. Kekayaan khazanah seni rumpun Momogun bukan sahaja diperakui secara meluas, malah telah menyusup masuk ke dalam DNA identiti unik Sabah (Seok, Mutang, & Madlan, 2016). Kepelbagaian khazanah seni ini merangkumi bentuk muzik vokal tradisional seperti nyanyian ritual, lagu epik, dan pantun, selain kombinasi instrumen yang kompleks seperti sompoton, ensembel gong, dan set kulintangan (Pugh-Kitingan, 2015).

1.5 Transformasi Tradisi kepada Industri Moden

Pesta Kaamatan adalah salah satu manifestasi budaya yang paling ikonik bagi rumpun etnik Momogun. Istilah 'Kaamatan' ditakrifkan sebagai aktiviti menuai (Kadazandusun Cultural Association Sabah, n.d.), dan ia merupakan lambang kemuncak bagi tradisi ritual kesyukuran etnik Momogun. Tradisi lisan seperti pertukaran puisi dan nyanyian puji-pujian yang dikenali sebagai Monugandoi turut diamalkan dalam perayaan ini. Apa yang menarik ialah bagaimana tradisi kuno ini berevolusi menjadi peraduan nyanyian moden yang dipanggil Sugandoi Kaamatan (Sabah Tourism Board, 2023).

Platform Sugandoi telah menjadi pentas utama dalam mengenal pasti dan melahirkan bakat nyanyian yang luar biasa dalam kalangan rumpun Momogun. Kemunculan artis bertaraf antarabangsa seperti Rosario Bianis, Eyllia Guntabid, Fanzi Ruji, dan Elica Paujin adalah bukti keberkesanan platform ini. Selain mengukir nama di peringkat tempatan. Mereka juga telah meraih kejuaraan dalam

pertandingan di peringkat nasional dan global (Joseph, 2019; Misrani, 2022; Azfar, 2021; Joseph, 2021). Kejayaan mereka ini membuktikan bahawa dari segi kualiti vokal dan bakat semula jadi, anak tempatan Sabah sudah setanding dengan artis global.

1.6 Jurang Teknikal dan Keperluan Framework

Namun, di sebalik himpunan bakat ini, lahir satu ketidakserasian produksi yang sangat menonjol. Sabah memiliki kuantiti karya yang sangat banyak apabila rekod menunjukkan sebanyak 5,009 lagu pop etnik telah didaftarkan di bawah Music Rights Sabah (MRS) setakat April 2021 (Asmin Mudin, 2021). Persoalannya, mengapakah di sebalik lambakan lagu dan bakat vokal yang luar biasa, muzik pop etnik Sabah masih bergelut untuk menembusi pasaran global dominan?

Kegagalan tersebut memberikan indikasi nyata bahawa kemelut utama industri ini bukanlah berakar umbi daripada aspek kreativiti atau bakat, sebaliknya berpunca daripada kualiti produksi teknikal. Ini meliputi aspek gubahan muzik, kualiti rakaman, serta kemasan akhir iaitu mixing dan mastering yang masih belum menepati standardisasi industri muzik global. Produk muzik tempatan sering kali terikat dalam acuan domestik yang menyebabkan estetika bunyinya kedengaran konvensional apabila dibandingkan dengan karya pop antarabangsa.

Oleh yang demikian, kajian ini bermatlamat untuk merungkai elemen-elemen kritikal dalam kualiti produksi teknikal yang memberi kesan kepada kebolehpasaran lagu pop etnik rumpun etnik momogun. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor halangan yang sedia ada dan seterusnya menghasilkan sebuah framework yang komprehensif. Kerangka ini akan berfungsi sebagai pelan tindakan sistematik untuk merapatkan jurang antara bakat sedia ada dengan piawaian teknikal global, sekali gus memastikan khazanah muzik etnik Momogun bukan sahaja lestari, tetapi juga mampu menjadi komoditi ekonomi yang kompetitif di persada dunia. Pendekatan kaedah campuran digunakan dalam kajian ini untuk memastikan data yang diperolehi adalah tepat, merangkumi aspek teknikal objektif dan persepsi subjektif penggiat industri.

1.7 Pernyataan Masalah

Industri muzik etnik rumpun Momogun kini berhadapan dengan kekangan kritikal yang menjejaskan daya saingnya di peringkat global, di mana pertumbuhan pesat kuantiti karya umpama cendawan tumbuh selepas hujan tidak diiringi oleh peningkatan kualiti teknikal yang setara. Di sebalik potensi besar warisan budaya dan keaktifan penghasilan karya tempatan, ekosistem industri di Sabah khususnya masih disekat oleh beberapa isu struktural yang sistemik. Kegagalan melepasi pasaran domestik ini berakar umbi daripada jurang piawaian audio, strategi adaptasi bahasa yang terhad, serta kekurangan pendedahan terhadap pendidikan muzik formal. Kegagalan menangani jurang-jurang ini bukan sahaja mengecilkan skop pasaran produk, malah meletakkan kelestarian ekonomi penggiat seni dalam risiko. Atas dasar tersebut, beberapa isu teras dikenal pasti sebagai pernyataan masalah utama yang memerlukan perhatian segera dalam kajian ini:

1.7.1 Kelemahan Kualiti Produksi Teknikal Audio

Isu utama berpunca daripada kualiti susunan muzik (arrangement), proses rakaman, serta kemasan akhir (mixing & mastering) yang masih berada pada paras rendah serta terikat dengan acuan piawaian domestik (M. Nasir, 2023). Implikasinya, produk audio yang dihasilkan gagal mematuhi proses standardisasi industri global, sekali gus menjejaskan kebolehpasaran karya untuk bersaing dalam pasaran arus perdana yang kompetitif (Tînt & Drăgulin, 2025). Hal ini demikian kerana pasaran global pada hari ini meletakkan tanda aras teknikal yang sangat tinggi terhadap keseimbangan tonal, ketumpatan dinamik, dan pemprosesan isyarat yang kompetitif bagi mencapai penghasilan audio gred carta (Tînt & Drăgulin, 2025).

1.7.2 Kekangan Linguistik dalam Strategi Produksi

Bahasa etnik sememangnya akar teras jati diri masyarakat. Namun, kegagalan menggabungkan bahasa ini dengan gaya muzik universal menyebabkan karya rumpun Momogun terus terperangkap dalam pasaran yang kecil. Anjakan strategik melalui hibriditi instrumen tradisional dengan elemen moden serta pemanfaatan platform digital dituntut oleh cabaran ini bagi menarik minat khalayak global tanpa mengorbankan keaslian warisan (Mahanadi, 2025; Sudiyana et al., 2025). Walau bagaimanapun, kekangan variasi leksikal dan kepelbagaian dialek telah menghambat usaha tersebut, sekali gus menjadi punca kepada kesukaran komunikasi berkesan serta penerimaan khalayak yang lebih luas (Sintian, 2016).

1.7.3 Kelemahan Asas Pendidikan Muzik Formal

Tahap pendidikan muzik formal yang rendah dalam kalangan penggiat seni Momogun mengakibatkan kurangnya pemahaman mendalam tentang standard industri profesional, di mana ketiadaan latihan teknikal yang sistematik ini memaksa proses produksi dilakukan secara trial and error, sehingga menghasilkan produk akhir yang tidak konsisten dan bermutu rendah (Jacqueline Pugh, 2015). Masalah domestik ini diburukkan lagi oleh ekosistem pendidikan seni muzik negara secara makro yang diiktiraf masih kurang mapan. Kekurangan menyeluruh pada kurikulum muzik sekolah menengah yang bersifat elektif serta sifat konvensional kurikulum di peringkat institusi pengajian tinggi memberi impak negatif. Kegagalan mendedahkan pelajar kepada aspek kritikal industri yang akhirnya menyebabkan majoriti penggiat seni tidak mendapat pendidikan formal serta bimbingan sewajarnya daripada tenaga pakar profesional (Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan Malaysia, 2005).

1.8 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan utama berikut:

- i. Apakah faktor-faktor halangan utama dalam proses produksi muzik etnik rumpun Momogun yang mengekang hasil akhir karya daripada memenuhi kriteria kualiti pasaran global?
- ii. Sejauh manakah kekangan linguistik dan tahap pendidikan muzik dalam kalangan penggiat seni menjadi faktor penghalang terhadap pencapaian piawaian kualiti produksi global?
- iii. Bagaimanakah satu Model Inventori Muzik Etnik dapat dibangunkan untuk mengatasi halangan tersebut melalui pengukuhan komponen produksi?

1.9 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti faktor yang mengekang kebolehpasaran global lagu popular etnik rumpun Momogun di Sabah.
- ii. Membangunkan satu model sebagai panduan kebolehpasaran global lagu popular etnik di Sabah.
- iii. Menilai keberkesanan bagi memastikan model tersebut praktikal untuk diaplikasikan oleh penggiat seni tempatan.

2. KAJIAN LITERATUR

2.1 Kerangka Teoritik

Bahagian ini menjelaskan kerangka teoritik bagi Pelan Inventori Pemasaran Muzik Etnik Momogun, yang dibina berasaskan integrasi Teori Asas Pemasaran (4P's), Penjenamaan Budaya (Holt,

2004), dan Rantailan Nilai Industri Kreatif (Tschmuck, 2012). Sinergi ini menggabungkan elemen taktikal 4P (Goi, 2009) dengan naratif identiti budaya sebagai medium integrasi sosial (Adil & Shazlin, 2019). Menurut Erdmann (2024) estetika visual produk muzik bertindak sebagai petunjuk genre dan penanda budaya digital yang kritikal dalam membentuk impresi pertama pengguna secara pantas. Oleh itu, intervensi strategik melalui pemantapan proses produksi digital dilihat mampu menjamin kelestarian serta kelangsungan muzik etnik di pasaran (Yu & Deng, 2015; Savage et al., 2014; Mehr et al., 2019). Pendekatan kontekstual ini, yang diilhamkan oleh kejayaan global K-Pop dan J-Pop (Lee, 2012; Otmazgin, 2012), seterusnya menzahirkan secara praktikal melalui metodologi Design and Development Research (Richey & Klein, 2014).

Dalam aspek ini, konseptualisasi muzik dunia ditakrifkan sebagai integrasi elemen etnik tradisional ke dalam kerangka pop kontemporari (Ibrahim & Halid, 2020), yang bertindak sebagai medium ekspresi identiti nasional (Erlmann, 1996) serta pencetus kepada pluralisme budaya (Feld, 2000). Justeru, fokus utama diberikan kepada pengukuhan komponen produk melalui kualiti produksi teknikal yang setara dengan piawaian global (Bandyopadhyay et al., 2025).

2.2 Analisis Komparatif Global dan Ekosistem Tempatan

Kajian ini melaksanakan tinjauan kes berasaskan analisis komparatif antara model kejayaan muzik dunial dengan realiti ekosistem tempatan demi merangka strategi pemasaran muzik etnik Momogun yang kompetitif. Evolusi budaya popular memacu kejayaan fenomena Hallyu dan K-Pop (Pratita & Yuliana, 2023) dan J-Pop melalui hibridisasi unsur Barat, kecanggihan visual, serta kreativiti linguistik Code Ambiguation (Moody, 2006). Jurang kritikal dalam industri muzik Sabah (Wong, 2011) secara langsung didedahkan oleh penanda aras global ini, sekali gus menuntut intervensi sistematik meskipun asas profesionalisme awal telah dipelopori melalui rakaman bahasa tempatan (Perpustakaan Negeri Sabah., n.d.).

Evolusi genre pop etnik kini dilihat sebagai satu produk komersial yang menggabungkan pelbagai unsur (Middleton, 1990; Longhurst, 2007). Genre ini mengasimilasikan warisan tradisional dengan struktur muzik moden (Ibrahim & Halid, 2020) menggunakan elemen digital interaktif bertujuan untuk mengekalkan identiti budaya pada peringkat kebangsaan dan wilayah (Taisin & Valerian, 2025; Halid & Santaella, 2021). Inklusiviti teknologi digital melalui Digital Audio Workstation (DAW) dan Bedroom Studio (Uyub, 2022; Whitaker & McHugh, 2022) telah merevolusikan akses serta rantailan pengedaran muzik termasuklah melalui platform penstriman (Noviani et al., 2020). Ekosistem digital ini mencorakan semula cara pengamal muzik memanfaatkan kreativiti mereka dari ruang domestik melalui meta-instrumen modular (Douglas, 2024). Dalam konteks industri, peralihan ke arah produksi domestik ini menuntut penilaian semula terhadap struktur pasaran. Justeru, analisis rantailan nilai digunakan bagi mengenal pasti titik intervensi kritikal seperti peningkatan kapasiti studio dan sokongan institusi untuk mendepani realiti ini (Kovačević & Stančić, 2024).

Dari aspek ekonomi pula, kelestarian industri amat dipengaruhi oleh perlindungan hak cipta dan pengagihan royalti yang sistematik menerusi badan pelesenan (Hesmondhalgh, 2018) seperti Music Authors Copyright Protection dan Music Right Sabah. Walaupun melodi universal dan pendigitalan bahasa menawarkan daya tarikan distingtif (Singh & Mehr, 2023; Chisa & Ngulube, 2017), kekangan algoritma digital dan ketiadaan promosi komprehensif kekal menjadi hambatan utama (Brusila et al., 2022; Gao & Damdindorj, 2024). Strategi digital kini perlu dimanfaatkan secara maksimum untuk mencapai penularan tanpa memerlukan infrastruktur mahal (Kim, 2021; McBride et al., 2024), sekali gus meletakkan identiti Momogun sebagai jenama budaya yang kompetitif dalam pasaran global.

2.3 Sintesis Pemboleh Ubah Empirikal dan Jurang Kajian

Tinjauan terhadap kajian empirikal menyatukan tiga pemboleh ubah kritikal yang menjadi asas kepada pembinaan kerangka pasaran muzik pop etnik Sabah.

2.3.1 Pemboleh Ubah Linguistik

Faktor linguistik tidak lagi menjadi penghalang mutlak dalam pasaran masa kini (Oh, 2017). Sebaliknya, strategi glokalisasi, code-switching, dan penyediaan sarikata kreatif terbukti berupaya meningkatkan penerimaan karya etnik sebagai aset tulen yang unik (Cruz et al., 2021; Sriautarawong et al., 2025; Kim et al., 2023).

2.3.2 Pendidikan Muzik

Pendidikan muzik formal dan latihan di institusi sangat membantu meningkatkan kualiti hasil seni. Throsby (2001), menjelaskan bahawa pendidikan seni yang baik berfungsi membangunkan dan memberi pencerahan kepada minda, bukannya sekadar melatih kemahiran kerja atau vokasional. Kesannya, kecekapan berfikir, teknik permainan, dan kreativiti pengkarya akan menjadi lebih tinggi (Zhao et al., 2025; Shamsul Amri Abdul Manap et al., 2025). Hal ini dipersetujui oleh Caves (2003) yang menyatakan bahawa institusi latihan memainkan peranan besar dalam mencorakkan pengkarya, terutamanya dalam mendidik mereka menghasilkan karya yang asli, bukan sekadar mahir menggunakan teknik asas sahaja.

2.3.3 Standard Produksi Teknikal

Proses mixing dan mastering sangat penting untuk memastikan sesebuah karya dapat melepasi tapisan algoritma platform penstriman digital (Öztürk & Özdemir, 2024; dos Santos et al., 2023). Walau bagaimanapun, kualiti rakaman muzik etnik Sabah masih belum mencapai standard global kerana masalah kekurangan sumber yang berterusan. Situasi ini nyata selari dengan Dasar & Strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia (2005) yang menyatakan bahawa kualiti lagu sangat bergantung kepada kemahiran jurutera audio dan teknik rakaman yang betul. Disebabkan pasaran yang merosot, ramai penggiat muzik tempatan terpaksa menggunakan kaedah produksi yang murah dan bergantung kepada bunyian janaan komputer demi menjimatkan kos. Kesannya kualiti muzik semakin menurun menyebabkan banyak studio rakaman gulung tikar, hal ini mengakibatkan industri penurunan tenaga pakar audio.

Secara keseluruhannya, penyelidikan terdahulu didominasi oleh aspek antropologi dan dokumentasi kebudayaan semata-mata. Senario ini mendedahkan jurang kajian yang ketara dalam konteks ekonomi kreatif dan strategi pasaran. Justeru, sinergi pengurusan kreatif dan profesional (Aron & Wildman, 2023) amat kritikal, di mana kajian ini hadir untuk mengisi jurang tersebut dengan membangunkan model MIME-Mo sebagai penyelesaian pemasaran strategik yang holistik dan adaptif.

2.4 Kerangka Konseptual

Sebagai representasi skematik, kerangka konseptual ini memetakan perkaitan antara faktor asas dengan model yang dihasilkan sebagai hasil kajian. Struktur ini memperkukuhkan hujah bahawa kebolehpasaran global amat bergantung kepada kualiti teknikal produk yang berakar daripada ekosistem produksi yang berstruktur. Secara visual, kerangka ini menggambarkan bagaimana elemen-elemen kritikal seperti pendidikan formal dan kemahiran teknikal berfungsi sebagai pencetus kepada pembangunan model pemasaran strategik. Carta alir kerangka konseptual dikongsikan pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1 Carta Alir Kerangka Konseptual

3 METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Design and Development Research (Richey & Klein, 2007) sebagai reka bentuk penyelidikan utama. Pemilihan pendekatan ini bersandarkan pada fungsinya dalam menawarkan kerangka kerja sistematik dan berfasa demi merangka penyelesaian praktikal dalam bentuk Pelan Inventori Pemasaran Muzik Etnik rumpun Momogun. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini distrukturkan kepada tiga fasa utama. Fasa 1 adalah untuk mendiagnosis cabaran industri, Fasa 2 untuk membina draf senarai semak tindakan berasaskan bukti serta formula K-pop dan J-pop,

dan Fasa 3 untuk pengesahan model oleh panel pakar. Melalui integrasi fasa-fasa ini, pendekatan Design and Development Research bukan sahaja membantu memahami isu kebolehpasaran secara mendalam, malah memberikan tumpuan kritikal kepada proses intervensi berstruktur, pembangunan model, dan penilaian kebolegunaan instrumen bagi memastikan dapatan kajian memenuhi keperluan industri yang sebenar.

3.2 Pendekatan Metodologi

Demi memperoleh data yang holistik dan signifikan berkaitan kebolehpasaran lagu pop etnik rumpun Momogun di pasaran global, pendekatan kaedah campuran diterapkan dalam kajian ini. Melalui strategi triangulasi, kekuatan data kuantitatif dan kualitatif disatukan bagi menjamin kesahan serta kebolehpercayaan hasil dapatan yang diperoleh (Yin, 1994; Yusoff, 2001). Melalui penerapan kaedah campuran ini, keluasan data daripada sampel kuantitatif yang besar dapat diimbangkan secara strategik dengan kedalaman maklumat daripada naratif kualitatif. Kajian ini menggabungkan data soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan secara serentak untuk melihat gambaran pasaran yang sebenar secara menyeluruh. Pendekatan ini bukan sahaja membantu penyelidik mengkaji faktor bahasa, pendidikan, sosiobudaya, dan standard produksi, malah menjadi asas nyata untuk menukar data kajian tersebut kepada satu pelan pemasaran muzik yang praktikal dan mengikut trend semasa.

3.3 Pemilihan Informan dan Responden

Responden dalam kajian ini dibahagikan kepada komponen kuantitatif dan kualitatif melalui strategi pensampelan demi memenuhi keperluan reka bentuk kaedah campuran. Bagi fasa kuantitatif, penyelidik menetapkan sasaran seramai 130 orang responden secara rawak daripada kelompok pengiat muzik yang berdaftar di bawah badan pengurusan kolektif Music Right Sabah, MRS. Walau bagaimanapun, hasil kutipan data di lapangan telah menghasilkan pulangan maklum balas yang melebihi sasaran, iaitu seramai 138 orang responden. Kesemua 138 data responden inilah yang kemudiannya dibawa ke fasa analisis dapatan kajian. Bagi fasa kualitatif, teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih tiga orang informan yang mempunyai pengalaman yang luas dalam ekosistem seni muzik Sabah. Informan tersebut terdiri daripada Asmin Mudin, Pengarah Urusan MRS Sdn. Bhd, Benn Simon, pengusaha studio rakaman di Sabah, dan Raimon Sukudat, Ketua Pemuzik Kombo Radio Televisyen Malaysia - RTM Sabah. Kriteria pemilihan penggiat seni dan pakar industri ini sangat penting demi menjamin pungutan data, pandangan, dan hujah yang bersifat autentik, berwibawa, serta mencerminkan realiti struktur ekonomi kreatif mahupun rangkaian nilai industri muzik tempatan.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilaksanakan melalui tiga instrumen utama. Langkah ini dilakukan bagi memenuhi prinsip triangulasi maklumat. Pertama, soal selidik digital skala Likert lima mata diedarkan melalui Google Forms, meliputi aspek profil, linguistik, pendidikan, standard produksi, dan promosi. Instrumen ini menggunakan istilah KDMR semasa fasa lapangan atas faktor kebiasaan responden, namun dikemas kini kepada rumpun Momogun dalam pelaporan untuk ketepatan etnolinguistik. Kedua, temu bual separa berstruktur dijalankan secara bersemuka dan direkodkan secara digital bagi merungkai pandangan informan mengenai cabaran pasaran secara komprehensif. Ketiga, kaedah pemerhatian lapangan diterapkan melalui kehadiran pengkaji dalam dua program industri utama, iaitu Bicara Tokoh Seni Budaya 2023 (menampilkan Dato' M. Nasir dan Dato' Tamimi Siregar) serta Bengkel Hak Cipta dan Kerjaya 2023. Melalui data pemerhatian ini, satu konteks realistik berhubung ekosistem hak cipta, modal insan, dan standard kualiti audio semasa berjaya direkodkan.

3.5 Teknik Analisis Data

Teknik analisis data dalam kajian ini diklasifikasikan mengikut sifat data bagi menghasilkan rumusan empirikal yang sahih. Data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of the Social Science (SPSS). Melalui model regresi, pengkaji menganalisis

indikator utama seperti pekali penentuan (R^2) untuk mengukur variasi kebolehpasaran, nilai Beta (β) untuk mengenal pasti faktor paling dominan (linguistik, pendidikan, atau produksi), serta ujian-t pada tahap signifikan $p < 0.05$ untuk menguji hipotesis kajian. Bagi data kualitatif daripada transkripsi temu bual, analisis tematik berpandukan kerangka Braun dan Clarke (2006) diaplikasikan melalui fasa utama yang merangkumi transkripsi, pengkodan awal, pengecaman tema, serta penghasilan laporan akhir. Data pemerhatian lapangan pula dianalisis menggunakan kaedah deskriptif-reflektif bagi memperkukuhkan dapatan kajian. Ketiga-tiga dapatan ini ditriangulasikan untuk mengurangkan ralat tafsiran dan memastikan model MIME-Mo dibina atas asas bukti empirikal yang kukuh.

3.6 Fasa Penilaian dan Pengesahan Model

Bagi Fasa Penilaian dan Pengesahan Model, draf instrumen Model MIME-Mo telah dikemukakan kepada dua orang pakar industri muzik tempatan yang mempunyai pengalaman melebihi dua dekad. Proses ini bertujuan untuk menapis, mengesahkan, serta menilai kebolegunaan model sebelum dimuktamadkan. Pemilihan panel pakar adalah berasaskan kriteria pengalaman luas, penglibatan aktif, serta kedudukan kritikal mereka dalam rangkaian nilai industri kreatif serta ekosistem seni muzik di Sabah. Maklumat profil bagi panel pakar yang terlibat dalam proses pengesahan ini diperincikan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Profil Panel Pakar Pengesah Model MIME-Mo

Pakar	Jawatan / Bidang Kepakaran	Tempoh Pengalaman	Sektor / Institusi
Pakar 1	Ahli Muzik / Ketua Pemuzik Kombo	29 Tahun	Agensi Penyiaran Awam (RTM Sabah)
Pakar 2	Pengusaha Studio Rakaman / Penerbit Muzik	23 Tahun	Industri Rakaman Muzik

Instrumen penilaian yang digunakan adalah Borang Pengesahan Pakar Model MIME-Mo. Borang ini distrukturkan menggunakan senarai semak penilaian yang mengandungi item-item utama model berdasarkan hierarki keutamaan (Priority 1, Priority 2, dan Priority 3). Di samping penilaian objektif bersandarkan skala persetujuan, borang ini juga turut menyediakan ruangan ulasan kualitatif bagi membolehkan panel pakar mengemukakan cadangan penambahbaikan, kritikan membina, dan nota justifikasi teknikal. Data maklum balas kualitatif daripada borang tersebut dianalisis secara deskriptif-kualitatif untuk dijadikan fondasi rujukan dalam melakukan pengoptimuman dan pengemaskinian draf akhir model.

3.7 Etika Penyelidikan

Bagi mengekalkan integriti akademik, kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi piawaian etika penyelidikan melibatkan subjek manusia secara ketat. Prinsip penyertaan sukarela diterapkan di mana semua responden dan informan diberikan maklumat yang jelas mengenai objektif kajian tanpa sebarang paksaan. Persetujuan termaklum diperoleh secara bertulis sebelum sebarang sesi kutipan data dan rakaman digital dimulakan. Demi menjaga kerahsiaan, nama dan maklumat peribadi semua peserta dirahsiakan sepenuhnya, dan dapatan kajian direkodkan secara berkumpulan. Sebaliknya, identiti tiga informan pakar didedahkan secara eksplisit berdasarkan persetujuan rasmi mereka secara bertulis, memandangkan kredibiliti profesional mereka penting untuk kesahan model. Integriti data dipelihara dengan melaporkan hasil analisis secara jujur tanpa sebarang manipulasi. Amalan ini disokong oleh sistem rujukan yang tepat bagi mengelakkan plagiarisme, manakala semua data mentah disimpan dengan selamat dalam storan digital.

4 DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini menerapkan pendekatan kaedah campuran yang komprehensif bagi menganalisis parameter kebolehpasaran serta melonjakkan status muzik pop etnik rumpun Momogun di persada global. Kajian ini memanfaatkan statistik deskriptif dan analisis regresi linear berganda ke atas data kuantitatif 138 penggiat seni yang berdaftar di Music Right Sabah bagi mendedahkan perkaitan empirikal antara konstruk linguistic, tahap pendidikan muzik, serta kualiti produksi teknikal. Sesi temu bual bersama tiga informan berjaya menguatkan lagi bukti kajian ini. Ketiga-tiga informan mendedahkan rahsia penting mengenai cara menggabungkan budaya tempatan dengan muzik moden, pengurusan industri serta strategi teknik pemasaran digital masa kini.

Melalui proses triangulasi data ini, dapatan kajian secara konklusif membuktikan bahawa kualiti produksi audio merupakan faktor paling dominan yang menentukan kegagalan atau kejayaan karya seni muzik etnik Momogun melepasi pasaran global, mengatasi kekangan pemboleh ubah linguistik dan pendidikan muzik formal. Sintesis dapatan ini membentuk teras fundamental kepada pembangunan Model Inventori Pemasaran Strategik rumpun Momogun (MIME-Mo). Model ini berfungsi sebagai panduan tersusun untuk membantu produk kreatif tempatan menembusi pasaran global yang berdaya saing tinggi. Model ini menggabungkan standard teknikal audio global dengan keunikan identiti budaya asli rumpun Momogun.

4.1 Analisis Deskriptif

Jadual 2 memaparkan dapatan analisis statistik deskriptif bagi semua konstruk kajian yang melibatkan isu linguistik, pendidikan muzik, kualiti produksi dan kebolehpasaran.

Jadual 2 Analisis Statistik Deskriptif Konstruk Kajian.

Konstruk	Bilangan Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Isu Linguistik	5	3.85	0.65	Tinggi
Pendidikan Muzik	4	4.12	0.54	Tinggi
Kualiti Produksi	5	3.68	0.72	Sederhana Tinggi
Kebolehpasaran	6	3.94	0.58	Tinggi

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa semua konstruk berada pada tahap tinggi hingga sederhana tinggi. Pendidikan muzik mencatatkan nilai min tertinggi ($M = 4.12$, $SP = 0.54$), diikuti oleh kebolehpasaran ($M = 3.94$, $SP = 0.58$) dan isu linguistik ($M = 3.85$, $SP = 0.65$). Kualiti produksi pula berada pada tahap sederhana tinggi ($M = 3.68$, $SP = 0.72$), yang menunjukkan masih terdapat jurang penambahbaikan dalam aspek teknikal penghasilan muzik.

Dapatan ini memberi indikasi bahawa walaupun penggiat muzik etnik rumpun Momogun mempunyai tahap kesediaan yang baik dari segi pendidikan dan kesedaran pasaran, aspek kualiti produksi masih belum mencapai tahap optimum untuk memenuhi kehendak pasaran global. Dapatan deskriptif ini mewajarkan keperluan integrasi piawaian teknikal global dalam pembangunan Model Inventori Pemasaran Strategik rumpun Momogun (MIME-Mo) bagi menutup jurang kualiti produksi yang telah dikenal pasti.

4.2 Analisis Data Temu Bual dan Pemerhatian Lapangan

Analisis tematik ke atas transkripsi temu bual bersama tiga informan pakar menyokong dapatan kuantitatif, sekali gus mendedahkan tema-tema utama dalam realiti ekosistem muzik etnik Sabah.

4.2.1 Tema 1: Pengurusan Profesional, Infrastruktur, dan Kesedaran Pendidikan Teknikal

Dapatan temu bual menunjukkan produk muzik etnik gagal di peringkat global akibat kelemahan

infrastruktur industri dan ketiadaan pengurusan profesional dan kekangan tenaga mahir. Informan Benn Simon menegaskan status industri semasa:

"Sebab sekarang ini, di Sabah, kita belum memiliki industri muzik yang kukuh. Aktiviti muzik kita masih dilihat sebagai kegiatan, bukan satu industri yang serius. ... Banyak bakat yang ada di Sabah, tetapi mereka kurang didedahkan kepada peluang dan pengetahuan untuk bersaing di pentas global. Tanpa pendidikan ini, strategi yang dirancang sering kali kurang berkesan."

Dari segi aspek teknikal, informan Raimon Sukudat menjelaskan bahawa walaupun teknologi berubah dan beberapa studio mula mengadaptasikan teknik penerbitan moden, namun jumlah tenaga mahir masih terhad di Sabah. Beliau turut menambah:

"Pendidikan muzik sangat penting. Ia bukan sahaja membantu artis memahami asas muzik seperti harmoni, tetapi juga membolehkan mereka meneroka genre yang berbeza. Dengan pendidikan, kita dapat meningkatkan kualiti dan daya saing lagu-lagu kita di peringkat global."

Hal ini selari dengan nota pemerhatian lapangan pengkaji ketika menghadiri Bengkel Hak Cipta dan Kerjaya 2023, di mana kekosongan pengurusan profesional memaksa majoriti penggiat seni bergerak sendiri demi kelangsungan karya.

4.2.2 Tema 2: Strategi Glokalisasi, Kekayaan Kuantiti, dan Hibriditi Linguistik

Dari aspek linguistik dan kandungan, analisis kualitatif mendapati lambakan kuantiti lagu etnik Sabah tidak seiring dengan keluasan capaian pasaran akibat faktor geografi dan pecahan dialek. Informan Asmin Mudin mendedahkan statistik yang kritikal:

"Setakat tahun 2020, dalam sistem RTM terdapat lebih 9,000 lagu dalam pelbagai bahasa: Dusun, Kadazan, Murut, dan lain-lain. Namun, kebanyakan lagu ini tidak mendapat liputan luas disebabkan jumlah penutur yang kecil dan berpecah-pecah. Faktor ini melemahkan keupayaan untuk memasarkan lagu ke peringkat global. ... Meskipun jumlahnya besar, hanya sebahagian kecil yang popular. Ini menunjukkan kekayaan kuantiti, tetapi tidak kualiti yang meluas."

Sebagai intervensi strategik, Asmin Mudin mencadangkan penyesuaian elemen tradisional ke dalam konteks moden. Manakala Benn Simon berpendapat bahawa bahasa boleh dijadikan kelebihan unik menerusi integrasi elemen moden yang universal dalam bentuk konsep fusion yang bijak.

4.2.3 Tema 3: Lompang Struktural Ekosistem dan Sokongan Agensi Berpusat

Semua informan secara konsisten menyatakan masalah kritikal yang dihadapi adalah dalam aspek promosi, ketiadaan badan Publisher dan sokongan kerajaan yang minimum. Asmin Mudin memberikan contoh realiti pulangan ekonomi sangat kecil melalui lagunya Sayang Kinabalu. Raimon Sukudat pula membuat perbandingan struktural antara Sabah dengan Sarawak dan mencadangkan penubuhan agensi khusus:

"Di Sabah, kita tidak mempunyai platform yang mencukupi untuk publisiti. Contohnya, Sarawak mempunyai TV Sarawak (TVS) yang fokus kepada kandungan tempatan, tetapi Sabah masih kekurangan platform serupa. ... Usaha seperti menubuhkan agensi promosi muzik yang mampu menyediakan perkhidmatan lengkap termasuk pemasaran, penerbitan, dan pengurusan artis perlu dipertimbangkan."

Saranan ini disokong penuh oleh Benn Simon yang menyatakan bahawa promosi melalui medium digital sedia ada tidak akan mencukupi tanpa adanya sokongan kempen digital bersepadu berskala besar yang digerakkan bersama pihak kerajaan dan jabatan yang berkaitan.

4.3 Analisis Faktor Halangan dan Cabaran Pemasaran Muzik Etnik

Sintesis daripada analisis statistik dan naratif informan pakar berjaya merungkai tiga kekangan utama yang menghambat daya saing muzik rumpun Momogun, dengan susunan keutamaan berdasarkan impak dominan. Pertama, standard produksi teknikal muncul sebagai isu paling kritikal dan dominan, di mana jurang kualiti audio berbanding piawaian platform penstriman utama seperti Spotify dan Apple Music mewajarkan keperluan pelaburan segera dalam teknologi Digital Audio Workstation (DAW) serta peningkatan kompetensi jurutera bunyi tempatan. Kedua, faktor linguistik dikesan menjadi kekangan sekunder. Penggunaan dialek yang terlalu khusus dalam pasaran domestik menyukarkan pendengar asing untuk memahami karya lagu. Justeru, pengkarya perlu menggunakan lirik dwibahasa dan menambah elemen sarikata yang kreatif.

Ketiga, wujud lompang dalam sokongan ekosistem berikutan ketiadaan agensi khusus atau platform promosi berpusat menyekat usaha pemasaran secara sistematik. Secara keseluruhannya, kualiti produksi audio bertindak pemboleh ubah paling dominan yang menentukan kejayaan penembusan pasaran global. Dapatan ini secara langsung menyokong pembangunan Model Inventori Pemasaran Strategik rumpun Momogun (MIME-Mo). Model ini menggabungkan piawaian teknikal global dengan penjenamaan identiti budaya Momogun yang autentik.

4.4 Sintesis Dapatan Kajian dan Pencapaian Objektif

Hasil kajian ini berjaya secara substantif menjawab ketiga-tiga objektif penyelidikan dengan menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif. Objektif pertama tercapai melalui analisis deskriptif terhadap faktor halangan, yang mendiagnosis kualiti produksi sebagai titik paling lemah serta mengenal pasti batasan linguistik sebagai kekangan komunikasi utama. Objektif kedua pula dicapai apabila hasil analisis regresi linear kualiti produksi sebagai faktor paling dominan, Bukti nyata ini digunakan sebagai panduan saintifik untuk merangka dan menyusun komponen penting di dalam model ini. Akhir sekali, objektif ketiga tercapai apabila naratif pakar industri mengesahkan bahawa cara penyelesaian teknikal dan strategi lirik yang dicadangkan adalah praktikal serta mudah digunakan dalam pasaran global yang sebenar. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa model yang telah dibangunkan bukanlah teori semata-mata. Sebaliknya, model ini adalah panduan praktikal yang berasaskan bukti yang kukuh untuk meningkatkan nilai komersial muzik rumpun Momogun bersaing di pasaran global.

5 PERBINCANGAN

5.1 Sintesis Dapatan Kajian dan Pencapaian Objektif

Bahagian ini membincangkan bagaimana data integrasi analisis kuantitatif dan kualitatif berjaya menjawab persoalan serta memenuhi semua objektif kajian. Secara keseluruhannya, perbincangan ini merumuskan hubungan antara data lapangan dengan matlamat strategik kajian seperti berikut:

5.1.1 Diagnosis Faktor Kekangan

Bagi memenuhi objektif pertama untuk mencari punca lagu tempatan sukar menembusi pasaran global, hasil triangulasi data menunjukkan bahawa kualiti produksi audio merupakan penyumbang utama kepada kegagalan memasarkan karya rumpun Momogun. Penggiat seni muzik tempatan sering melihat isu linguistik halangan utama dalam naratif industri tempatan. Namun, analisis deskriptif mendedahkan bahawa jurang teknikal dan ketiadaan piawaian audio antarabangsa adalah faktor utama yang lebih dominan dalam menyekat daya saing produk kreatif etnik rumpun Momogun.

5.1.2 Justifikasi Sainifik Pembangunan Model

Pembangunan Model Inventori Pemasaran Strategik rumpun Momogun (MIME-Mo) merupakan

jawapan langsung kepada objektif kedua. Model ini tidak dibina secara acuh tidak acuh, sebaliknya distrukturkan berdasarkan bukti statistik regresi linear yang meletakkan piawaian produksi audio sebagai kriteria mandatori. Dengan mengintegrasikan standard kualiti antarabangsa dalam kerangka model ini, kajian ini berjaya menghasilkan panduan sistematik untuk menutup lompang industri yang dihadapi.

5.1.3 Validasi Praktikaliti Model

Bagi objektif ketiga yang menilai keberkesanan model, maklum balas daripada pakar industri membuktikan bahawa pelan tindakan ini adalah bersifat realistik. Perbincangan mengenai pelaksanaan model secara berfasa membuktikan bahawa penyelesaian teknikal dan strategi penjenamaan budaya yang dicadangkan sangat berguna untuk diaplikasikan oleh penggiat seni tempatan mengikut kapasiti dan realiti ekonomi semasa.

5.2 Pembangunan Model Inventori Pemasaran Strategik Momogun (MIME-Mo)

Faktor kritikal dalam meningkatkan kebolehpasaran muzik etnik rumpun Momogun di peringkat global dikenal pasti melalui kualiti produksi, walaupun berada pada tahap sederhana tinggi. Sehubungan itu, penyelidik membangunkan Model MIME-Mo berasaskan pendekatan Design and Development Research sebagai kerangka strategik yang menekankan enam fasa pembangunan, dengan fokus utama terhadap penetapan piawaian audio global serta keperluan teknik mixing dan mastering profesional sebelum karya dipasarkan secara digital. Di samping itu, model ini turut menekankan kepentingan karya memperkukuh identiti linguistik etnik rumpun Momogun melalui strategi penjenamaan silang budaya agar lebih mudah diterima oleh pendengar global. Oleh itu, MIME-Mo bertindak sebagai pelan pemasaran lengkap yang mengutamakan kualiti lagu. Kualiti inilah faktor utama memastikan kebolehpasaran muzik etnik di pasaran global.



Komponen	Elemen Spesifik	Tahap Keutamaan	Justifikasi & Tindakan Strategik
Produksi Tekno-Kreatif	Standard Audio Global (Mixing/Mastering), Melodi Universal	Priority 1 (Mandatori)	"Pasport Global": Karya mestilah melepasi piawaian teknikal antarabangsa sebelum dipasarkan. Ini adalah syarat wajib dalam ekosistem MIME-Mo.
Linguistik & Jenama	Lirik Universal rumpun Momogun, Penjenamaan Budaya (Cultural Branding)	Priority 2 (Strategik)	"Aset Pembeza": Menggunakan identiti etnik sebagai nilai unik (Unique Selling Point) yang membezakan artis Sabah di pasaran global.
Pemasaran & Ekosistem	Agregasi Digital, Showcase Antarabangsa, Sokongan Agensi.	Priority 3 (Sokongan)	"Capaian Pasaran": Strategi penyebaran meluas setelah kriteria Priority 1 dan 2 dipenuhi untuk memastikan kelestarian komersial.

Rajah 2 Pelan Inventori Strategik MIME-Mo Mengikut Hierarki Keutamaan

5.3 Implikasi dan Manfaat Model MIME-Mo Terhadap Kumpulan Sasar

Model MIME-Mo bertindak secara aktif sebagai kerangka intervensi strategik bagi menyuntik manfaat transformatif kepada pelbagai lapisan komuniti dalam ekosistem industri kreatif Sabah. Model ini bertindak sebagai panduan praktikal bagi penggiat seni dan pemuzik tempatan untuk beralih daripada penghasilan karya amatir kepada penghasilan produk yang memiliki kualiti bunyi bertaraf global, sekali gus melonjakkan peluang mereka untuk menembusi platform penstriman digital antarabangsa. Komuniti teknikal seperti jurutera bunyi dan penerbit muzik turut mendapat manfaat melalui penetapan kriteria audio mandatori yang mendorong peningkatan kompetensi serta penggunaan teknologi rakaman terkini.

Dari sudut pelestarian budaya, model ini memperkasakan komuniti rumpun Momogun dengan mengangkat identiti linguistik dan visual etnik sebagai aset pembeza yang eksklusif di pentas global, menjamin keunikan budaya mereka kekal relevan dalam arus moden. Selain itu, pemegang taruh seperti Music Rights Sabah (MRS) dan agensi kerajaan negeri dibekalkan dengan pelan tindakan operasional yang sistematik untuk menguruskan agihan dana, pembangunan bakat, dan mencadangkan satu pangkalan data sistem analitik, Sabah Music Inventory System (SMIS) diwujudkan. Secara keseluruhannya, MIME-Mo mewujudkan satu rantaian nilai yang mampan yang bukan sahaja melindungi hak cipta dan warisan tradisi, malah membuka peluang ekonomi yang signifikan melalui strategi glokalisasi dan penyertaan dalam festival muzik global. Pelaksanaan model ini secara berfasa memastikan transisi industri berlaku secara organik, akhirnya melahirkan ekosistem yang profesional dan berdaya saing bagi melestarikan masa hadapan muzik etnik Sabah.

KESIMPULAN

Kajian ini bertitik tolak daripada satu ketidakseimbangan industri muzik di Sabah, di mana lambakan karya pop etnik yang melebihi 5,009 lagu serta kehadiran bakat vokal yang hebat masih gagal menembusi pasaran global secara dominan. Keresahan ini membentuk pernyataan masalah utama yang mempersoalkan sama ada kegagalan tersebut berpunca daripada faktor identiti bahasa atau kelemahan

teknikal yang sistemik. Melalui analisis data empirikal, kajian ini berjaya mengenal pasti bahawa kualiti produksi teknikal, khususnya aspek mixing dan mastering, merupakan faktor penghalang paling dominan yang menyebabkan karya tempatan ditolak oleh algoritma platform penstriman global. Kegagalan ini dibebankan lagi oleh faktor penyokong seperti strategi linguistik yang terlalu niche serta tahap pendidikan muzik formal yang rendah dalam kalangan penggiat seni.

Sebagai intervensi strategik untuk mengatasi masalah tersebut, Model Inventori Pemasaran Strategik Momogun (MIME-Mo) telah dibangunkan bagi memenuhi objektif penyelidikan. Model ini mengintegrasikan tiga tiang utama, iaitu kualiti produk sebagai syarat mandatori piawaian audio global, identiti sebagai strategi penjenamaan unik rumpun Momogun, serta edaran yang memanfaatkan sokongan ekosistem digital. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan nilai tambah yang signifikan kepada komuniti seni di Sabah. Usaha ini bertujuan untuk mentransformasikan status muzik kampung kepada komoditi ekonomi kreatif yang kompetitif dan diiktiraf di persada dunia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan manuskrip ini.

PEMBIAYAAN

Penyelidikan ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kos pembiayaan sendiri oleh penyelidik tanpa melibatkan sebarang geran atau dana tajaan luar.

SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis memberikan sumbangan yang saksama serta seimbang dalam penghasilan serta penyediaan kertas kerja ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang potensi konflik kepentingan wujud berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, dan/atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Aron, D., & Wildman, S. (2023). Labels, artists, and contracts in today's music industry: An economic analysis. Boston (MA): Charles River Associates.
- Asmin Mudin, (2021). Khazanah Muzik Sabah: Mencari Jalan Pulang [Webinar]. Wisdom Foundation. Diterima pada Julai 3, 2022 daripada https://www.facebook.com/watch/live/?ref=watch_permalink&v=483167582740511
- Bandyopadhyay, T., Woszczynski, A. B., & Crowell, D. (2025). Musical attributes, cultural dimensions, social media: Insights for marketing music to consumers. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 82, 104103.
- Bagaskara, A., Astuti, K. S., & Pratama, W. (2025). Estetika Musik Abad 21 Dalam sorotan: Dinamika Sejarah Sampai Pengindustrian. *Visual Heritage: Jurnal Kreasi Seni dan Budaya*, 8(1), 143-153.
- Bagang, T. P., Puyok, A., & Mersat, N. I. (2025). Shaping identity, shaping power: the politics of Kadazandusun ethnic identity in Sabah. *Journal of Administrative Science*, 22, 101-128.
- Brusila, J., Cloonan, M., & Ramstedt, K. (2022). Music, digitalization, and democracy. *Popular music and society*, 45(1), 1-12.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>

- Caves, R. E. (2003). Contracts between art and commerce. *Journal of economic Perspectives*, 17(2), 73-83.
- Chisa, K. D., & Ngulube, P. (2017). Indigenous music goes digital: Reconciling culture and the law. *Mousaion: south african journal of information studies*, 35(4), 17-pages.
- Cruz, A. G. B., Seo, Y., & Binay, I. (2021). Cultural globalization from the periphery: Translation practices of English-speaking K-pop fans. *Journal of Consumer Culture*, 21(3), 638-659.
- Wong, D. T. W. (2011). The Contemporary Musical Culture of the Chinese in Sabah, Malaysia. In B. Abels (Ed.), *Austronesian Soundscapes: Performing Arts in Oceania and Southeast Asia* (pp. 85–102). Amsterdam University Press. <http://www.jstor.org/stable/j.ctt46mvnd.9>
- Daily Express Malaysia. (2026, Mei 6). Fostering inclusivity through identity recognition. <https://www.dailyexpress.com.my/news/280899/fostering-inclusivity-through-identity-recognition/>
- dos Santos, M. R., Batista, A. P., Rosa, R. L., Saadi, M., Melgarejo, D. C., & Rodríguez, D. Z. (2023). Asqm: Audio streaming quality metric based on network impairments and user preferences. *IEEE Transactions on Consumer Electronics*, 69(3), 408-420.
- Douglas, K. C. (2024). *Affordances of Home Studio Jazz: Creation and Negotiation with the Digital Audio Workstation* (Doctoral dissertation, Carleton University).
- Erdmann, V. (2024). *Beyond Color: Design Approaches for Conveying Mood and Music Genre in Album Covers for Color Blind Accessibility*.
- Erlmann, V. (1996). The aesthetics of the global imagination: reflections on world music in the 1990s. *Public culture*, 8(3), 467-487.
- Feld, S. (2000). A sweet lullaby for world music. *Public culture*, 12(1), 145-171.
- Gao, Yu & Damdindorj, Tsetsegdelger. (2024). The development of ethnic music in the digital age. *Frontiers in Business, Economics and Management*, 17, 115-119. 10.54097/brge8y89.
- Goi, C. L. (2009). A review of marketing mix: 4Ps or more. *International journal of marketing studies*, 1(1), 2-15.
- Halid, R. I. B. R., & Santaella, M. A. (2021). Afterword: Bercerita (Sharing Stories) with M. Nasir, Joey Ayala, Dwiki Dharmawan, and Pra Budi Dharma on Nusantara Popular Music. In *Made in Nusantara* (pp. 210-223). Routledge.
- Joseph, G. (2021, Oktober 31). Eyliia Guntabid juara StarVoices Asia ke-7, pertama dari Malaysia. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2021/10/772497/eylia-guntabid-juara-starvoices-asia-ke-7-pertama-dari-malaysia>
- Joseph, G. (2019, Julai 29). Rosario juara Asean Song Contest 2019. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2019/07/480577/rosario-juara-asean-song-contest-2019>
- Perpustakaan Negeri Sabah. (n.d.). Henry Bating. Diterima pada 4 Jun 2023, daripada <https://library.sabah.gov.my/index.php/ms/pautan/pengarang-tempatan/henry-bating>
- Holt, D. B. (2004). *How Brands Become Icons: The Principles of Cultural Branding*. Harvard Business Press.
- Ibrahim, S. A. L. Z. I. A. N. A., & Halid, R. I. R. (2020). Grafik dan muzik: Analisis reka bentuk kulit album.. *Jurnal Komunikasi*, 36(4), 369-394.
- Kamaludin, K. (2025, Ogos 25). Sabah, Sarawak ethnic music recognition. *Daily Express Malaysia*. <https://www.dailyexpress.com.my/news/265306/sabah-sarawak-ethnic-music-recognition/>
- Kadazandusun Cultural Association Sabah. (n.d.). About us. Diterima pada 24.10.2023, daripada <https://kdca.org.my/about-us/>
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. (2005). *Dasar & strategi pembangunan industri muzik Malaysia*.
- Kim, Y. (2021). The global impact of K-pop: Constructing a transnational fan economy. *Popular Music and Society*, 44(2), 123–140. <https://doi.org/10.1080/03007766.2020.1847562>
- Kim, H., Watanabe, K., Goto, M., & Nam, J. (2023). A computational evaluation framework for singable lyric translation. *arXiv preprint arXiv:2308.13715*.
- Misrani, S. Z. (2022, Mac 28). Elica Paujin unggul Big Stage 2022. *Kosmo! Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2022/03/28/elica-paujin-juara-big-stage-2022/>
- Kovačević, I., & Stančić, B. H. (2024). Value chain identification and impact of the music industry on employment in Serbia. *Management: Journal of Sustainable Business and Management Solutions in Emerging Economies*, 29(2).

- Lee, M. (2012). Star management of talent agencies and social media in Korea. In *Handbook of Social Media Management: Value Chain and Business Models in Changing Media Markets* (pp. 549-564). Springer Berlin Heidelberg.
- Longhurst, B. (2007). *Popular music and society*. Polity.
- Mahanadi, H. H. V. N. (2025). Strategi Pemasaran dan Identitas Lagu Pop Banyuwangian “Bangur Baliko” Karya Galang Defriyan. *Repertoar Journal*, 266-277.
- Yusoff, M. (2001). Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah. Dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (hh. 87–119). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- McBride, J. M., Phillips, E., Savage, P. E., Brown, S., & Tlustý, T. (2024). Melody predominates over harmony in the evolution of musical scales across 96 countries. *arXiv preprint arXiv:2408.12633*.
- Mehr, S. A., Singh, M., Knox, D., Ketter, D. M., Pickens-Jones, D., Atwood, S., ... & Glowacki, L. (2019). Universality and diversity in human song. *Science*, 366(6468), eaax0868.
- Middleton, R. (1990). *Studying popular music*. McGraw-Hill Education (UK).
- Azfar, K. (2021, Ogos 5). Kenali Fanzi Ruji, penyanyi Malaysia yang kalahkan 4,000 peserta seluruh dunia dalam #HeartAttackChallenge. *Murai MY*. <https://murai.my/fanzi-ruji-heart-attack-challenge/>
- Moody, A. J. (2006). English in Japanese popular culture and J-Pop music. *World Englishes*, 25(2), 209–222. doi:10.1111/j.0083-2919.2006.00460.x
- Noviani, D., Pratiwi, R., Silvianadewi, S., Alexandri, M. B., & Hakim, M. A. (2020). Pengaruh streaming musik terhadap industri musik di Indonesia. *Jurnal Bisnis Strategi*, 29(1), 14-25.
- Oh, I. (2017). From localization to glocalization: Contriving Korean pop culture to meet glocal demands. *Kritika Kultura*, 1 (29), 8.
- Otmazgin, N. (2012). Geopolitics and soft power: Japan’s cultural policy and cultural diplomacy in Asia. *Asia-Pacific Review*, 19 (1), 37–61. <https://doi.org/10.1080/13439006.2012.659591>
- Öztürk, M. K., & Özdemir, T. (2024). An investigation into audio quality of streaming services: Do music consumers get the audio quality they pay for?. *Etnomüzikoloji Dergisi*, 7 (1), 65-86.
- Pugh-Kitingan, J. (2015). *Cultural and religious diversity in Sabah and relationships with surrounding areas* (Doctoral dissertation, Tokyo University of Foreign Studies).
- Pratita, P. B., & Yuliana, N. (2023). Fenomena budaya K-Pop terhadap kehidupan sosial remaja. *Triwikrama: Jurnal Ilmu Sosial*, 2 (8), 95-105.
- Richey, R.C., & Klein, J.D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203826034>
- Sabah Tourism. (n.d.). Harvest festival (Pesta Kaamatan). Diterima pada 24, 2023, daripada <https://sabahtourism.com/article/harvest-festival-pesta-kaamatan/?locale=en>
- Sansalu, D. (2014). Persamaan dan perbezaan sebutan dan makna dalam pelbagai dialek bahasa Kadazandusun. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 446-453.
- Savage, P. E., & Brown, S. (2014). Mapping music: Cluster analysis of song-type frequencies within and between cultures. *Ethnomusicology*, 58 (1), 133-155.
- Seok, C. B., Mutang, J. A., & Madlan, L. (2016). Persepsi kumpulan multietnik di Sabah terhadap etnik diri. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 24.
- Shamsul Amri Abdul Manap, Adil Johan, & Mohd. Sobhi Ishak. (2025). Factors influencing music career choice among Malaysian students: A social cognitive career theory perspective. *Malaysian Journal of Music*, 14 (1), 19-40. <https://doi.org/10.37134/mjm.vol14.1.2.2025>
- Singh, M., & Mehr, S. A. (2023). Universality, domain-specificity and development of psychological responses to music. *Nature reviews psychology*, 2 (6), 333-346.
- Sintian, M. (2023). Bahasa Tombonuo Dan Mangkaak: Dalam Keluarga Bahasa Yang Sama. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(2), 1-13.
- Sintian, M., & Yusop, M. S. (2016). KEPELBAGAIAN DIALEK DALAM KELUARGA DUSUNIK: ANALISIS CIRI LEKSIKAL. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 4(1), 1-24.
- Sriautarawong, N., Wattanapanich, N., Chokkeaw, T., & Jarunthawatchai, W. (2025). Investigating English code-switching frequency in ATEEZ's Korean pop songs. *Journal of Language Research and Practice*, 2 (1), 39-56.
- Sudiyana, B., Marjito, M., & Widayati, M. (2025). Nilai Multikultural Penamaan Kulineran Etnik Jawa:

- Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa dan Kesadaran Sosial Budaya. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 14(1).
- Taisin, J. N., & Valerian, T. (2025). Nilai Jati Diri berasaskan Ungkapan Indah Lagu Rakyat (Puisi Tradisional) Kadazandusun dalam Pendidikan Bahasa: Personal Value based On The Beautiful Expression Of Folk Songs (Traditional Poems) Kadazandusun in Language Education. *Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu*, 3, 142-149.
- Throsby, C. D. (2001). *Economics and culture*. Cambridge university press.
- Țînt, M. A., & Drăgulin, S. (2025). From Data to Hits: Understanding Mixing and Mastering Techniques that Make a Song Chart-Worthy. *Bulletin of the Transilvania University of Brasov. Series VIII, Performing Arts*, 18, 307-322.
- Tschmuck, P. (2012). Creativity and innovation in the music industry's value-added chain. In *Creativity and innovation in the music industry* (pp. 253-271). Springer Berlin Heidelberg.
- Utusan Borneo Online. (2025, Disember 24). USLA mahu perkataan 'Momogun' ganti istilah 'lain-lain'. <https://www.utusanborneo.com.my/2025/12/24/usla-mahu-perkataan-momogun-ganti-istilah-lain-lain>
- Uyub, A. I. (2022). Digital Audio Workstation (DAW) as a Platform of Creative Musical Performance Experience. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 10, 52-55.
- Whitaker, P., & McHugh, C. (2022). Making Arrangements: The Curation of Grief in the Home Studio (Faire les arrangements: la conservation du deuil dans le studio à domicile). *Canadian Journal of Art Therapy*, 35(1), 32-42.
- Yin, R. K. (1994). *Case study research: Design and methods* (2nd ed.). Sage Publications.
- Yu, L., & Deng, H. (2015, June). Research into value chain of China's music industry. In *2015 International Conference on Management, Education, Information and Control* (pp. 1780-1786). Atlantis Press.
- Zhao, J., Cui, X., Wang, S., Liu, W., Liu, J., Liu, C., ... & Zhang, Z. (2025). Analysis of the spatial heterogeneity and influencing factors of music training institutions: a case study of Beijing, Shanghai, Guangzhou, and Shenzhen. *Computational Urban Science*, 5(1), 1-24.